

**Maklum Balas Laporan Audit Penang Global Tourism Sdn Bhd bagi Unit Audit Dalam Perbadanan
Pembangunan Pulau Pinang**

1. PENDAHULUAN

Maklumbalas ini telah disediakan oleh Penang Global Tourism Sdn Bhd untuk memberi jawapan kepada Unit Audit Dalam Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang mengenai Laporan Audit terhadap pengurusan syarikat PGTSB bagi tahun 2009-2011.

2. PENANG GLOBAL TOURISM SDN BHD (PGTSB)

2.1 LATAR BELAKANG

PGTSB pada dasarnya telah ditubuhkan sebagai entiti untuk mempromosikan dan menambah nilai kepada industri pelancongan negeri Pulau Pinang tanpa masalah birokrasi kerajaan. Oleh sedemikian, keanggotaan pemain-pemain industri yang terkemuka di Pulau Pinang juga termasuk di dalam lembaga pengarah PGTSB.

Walau bagaimanapun, PGTSB merupakan sebahagian daripada Pejabat Pembangunan Pelancongan & Kebudayaan Negeri Pulau Pinang, justeru peruntukan belanjawan yang diberi oleh kerajaan negeri dikongsi oleh kedua-dua pihak. Untuk penjelasan Unit Audit Dalam Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, pengasingan akaun antara PGTSB dengan Pejabat Pelancongan adalah untuk tujuan pengurusan perakaunan.

2.2 PENYEDIAAN *STANDARD OPERATING PROCEDURE* (SOP), PERATURAN KEWANGAN DAN SENARAI TUGAS KAKITANGAN

PGTSB telah mengambil perhatian terhadap syor audit mengenai penyediaan SOP, peraturan kewangan, senarai tugas dan skala gaji kakitangan PGTSB, dan kini di dalam proses pendrafan dokumen-dokumen tersebut untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah PGTSB dalam masa tersingkat.

2.3 PENGURUSAN KEWANGAN SYARIKAT

Perbelanjaan Pejabat Pelancongan Negeri (*State Tourism Expenses*) pada 2010-2011 telah merupakan sebahagian besar daripada perbelanjaan yang berlebihan. Ini kerana PGTSB tidak diberi anggaran perbelanjaan oleh Pejabat Pelancongan Negeri, dan oleh sebab itu PGTSB hanya memperuntukkan sebanyak RM1.3 juta pada tahun 2010 dan RM2 juta pada tahun 2011 untuk Pejabat Pelancongan Negeri. Sila rujuk kepada Lampiran A untuk peruntukan yang telah diuruskan oleh PGTSB berbanding dengan peruntukan yang telah diuruskan oleh Pejabat Pelancongan Negeri pada tahun 2010 dan 2011. Lampiran B menunjukkan anggaran perbelanjaan 2012 bagi PGTSB.

2.4 PENGURUSAN ASET PGTSB

Bagi isu pengurusan aset PGTSB, rekod selenggaraan bagi peralatan elektronik PGTSB seperti kamera, projektor LCD dan lain-lain telah dimulakan sejak pejabat PGTSB dipindah ke pejabat baru pada November 2011. Bagi rekod penggunaan kereta PGTSB pula, PGTSB telah mendapatkan panduan buku log kereta daripada PDC dan akan bermula menggunakan sistem ini pada bulan Mac 2012.

2.5 KEWUJUDAN JAWATAN BERTARAF TETAP BAGI KAKITANGAN PGTSB

Sejak bulan November 2011, kakitangan PGTSB yang selesai tempoh kontrak telah bermula ditukar daripada jawatan bertaraf kontrak kepada jawatan bertaraf tetap untuk menjamin masa depan pekerjaan kakitangan PGTSB. Senarai kakitangan yang telah ditukar ke jawatan-jawatan bertaraf tetap adalah seperti berikut:-

Nama	Jawatan	Tarikh Pertukaran Taraf
Jason Sim Kok Jiun	Eksekutif Pelancongan (Data & Statistik)	November 2011
Neoh Chee Jin	Pereka Grafik	Februari 2012

2.6 PEMANTAUAN KEBERKESANAN USAHA-USAHA PROGRAM PROMOSI PELANCONGAN

Sistem “*Key Performance Indicators*” (KPI) sedang dirancang untuk dilaksanakan bersama-sama dengan “*Standard Operating Procedures*” (SOP) yang akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah PGTSB dalam masa tersingkat.

2.7 KELENGKAPAN MAKLUMAT KAKITANGAN PGTSB

Sejak berpindah ke pejabat baru, PGTSB telah memulakan pengumpulan maklumat kakitangan PGTSB dan setiap fail kakitangan mengandungi *resume*, surat tawaran dan surat penerimaan tawaran, terma dan syarat pekerjaan dan maklumat “*fringe benefits*”, butir-butir peribadi kakitangan, borang temuduga, salinan MyKad, dan gambar passport. Lampiran C menunjukkan borang-borang temuduga dan butir-butir peribadi yang diberi untuk diisi oleh kakitangan PGTSB.

2.8 PENGUMPULAN DAN ANALISIS DATA BAGI INDUSTRI PELANCONGAN PULAU PINANG

PGTSB ingin melaporkan bahawa pengumpulan dan analisis data bagi kemasukan pelancong dan tren perkembangan industri pelancongan Pulau Pinang sentiasa disediakan oleh Eksekutif Pelancongan (Data & Statistik), En Jason Sim kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta sejak November 2010.

Walau bagaimanapun, oleh kerana bajet tidak diperuntukkan untuk membuat satu kajian pelancongan untuk Pulau Pinang, PGTSB tidak dapat memperolehi maklumat yang terperinci untuk kegunaan pemain-pemain industri pelancongan Pulau Pinang. Namun begitu, PGTSB merancang untuk bekerjasama dengan bahagian penyelidikan pelancongan USM untuk memulakan satu kajian pelancongan terperinci untuk Pulau Pinang sebelum akhir 2012.

2.9 PENYEDIAAN SPESIFIKASI DESKRIPSI KERJA SERTA SKALA GAJI BAGI KAKITANGAN PGTSB

Sepertimana yang telah dilaporkan, spesifikasi deskripsi kerja serta skala gaji kakitangan PGTSB sedang dirancang bersama-sama dengan “*Standard Operating Procedures*” (SOP) dan “*Key Performance Indicators*” (KPI) untuk dibentangkan kepada Lembaga Pengarah PGTSB kelak.